

Semai semangat sukarelawan

■ Aktiviti kemasyarakatan pupuk sifat kepemimpinan mahasiswa

Dalam melahirkan mahasiswa yang berintegriti, aktiviti sukarelawan akan mencorakkan imej seseorang mahasiswa itu.

Platform yang dapat dikenal pasti untuk melatih dan melahirkan mahasiswa yang bersifat sukarelawan adalah dengan menceburkan diri dalam aktiviti kurikulum yang membabitkan komuniti seperti aktiviti khidmat masyarakat dan misi kemanusiaan.

Sebagai contoh, aktiviti yang membabitkan lawatan ke rumah anak yatim, rumah orang tua, rumah orang kelainan upaya (OKU), pengagihan makanan kepada golongan gelandangan, pengagihan ubat-ubatan ke kawasan terpencil, bergotong-royong dan sebagainya.

Mahasiswa yang perlu membantu meringankan beban golongan gelandangan melalui pengagihan makanan dan keperluan harian.

Memang tidak dinafikan sukarelawan sangat penting kepada mahasiswa dalam membantu masyarakat yang terpinggir dan memerlukan.

Walau sehebat mana pun seseorang mahasiswa itu, jika hal ehwal dan muamalah dengan masyarakat dipandang enteng, maka condonglah sesebuah institusi masyarakat.

Hal ini kerana melalui khidmat sukarelawan, ia secara tidak langsung dapat mencerminkan sikap kecaknaan seseorang mahasiswa serta ringan tulang dalam menghulurkan keringat.

Sebagaimana firman Allah dalam surah Al Maidah ayat kedua yang bermaksud:

"Dan tolong-menolonglah kalian dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya



AKTIVITI sukarelawan dedah mahasiswa dengan kehidupan bermasyarakat. - Gambar hiasan

Allah sangat berat seksa-an-Nya."

Sukarelawan menjadi wadah melatih sifat positif mahasiswa di samping memberi peluang kepada mahasiswa untuk bergaul serta bermuamalah dengan masyarakat.

Selain itu, kegiatan sukarelawan juga dapat mendedahkan mahasiswa dengan kehidupan dalam masyarakat dan tidak hanya terdedah kepada alam kampus saja.

Mereka berpeluang menghayati kehidupan masyarakat untuk kesedaran pendidikan dan membantu anak yatim menjadi insan berilmu.

Secara tidak langsung, ia dapat memberi kesedaran kepada mahasiswa untuk memajukan diri dan masyarakat.

Di samping itu, sukarelawan memberi peluang kepada mahasiswa untuk mencorak sifat kepemimpinan diri dan memupuk semangat kerjasama dalam satu kumpulan.

Secara tidak langsung, mahasiswa dapat mempelajari proses pengurusan dan pengendalian program dengan lebih cekap dan terperinci.

Pada masa yang sama, ia menjadi latihan dalam mantapkan hubungan dan

komunikasi sebagai seorang pemimpin.

Sifat kepemimpinan dapat diwujudkan melalui khidmat sukarela dan bekerja tanpa diupah serta melatih diri dalam menggunakan sumber kewangan untuk menguruskan sesebuah organisasi, mahupun aktiviti yang dirancang.

Kemahiran ini tidak akan diperoleh semasa berada di dalam dewan kuliah dan ia memberikan kelebihan dari segi mental sebelum menamatkan pembelajaran dan melangkah ke alam pekerjaan.

Kemahiran berkomunikasi ini sangat penting dan perlu ada dalam diri seseorang mahasiswa kerana ia menjadi faktor penting kejayaan seseorang itu.

Mahasiswa perlu berbakti dan menyumbang tenaga serta kepakaran yang dimiliki kepada masyarakat agar mereka turut sama menumpang kesenangan.

Hidup kita akan lebih bererti jika kita banyak memberi. Bak kata pepatah Arab, tangan memberi lebih baik daripada tangan yang menerima.

Maka, sama-sama kita menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Ini kerana sukarelawan adalah tonggak misi kemanusiaan.

Nasrah Abdul Talib
Universiti Sains Islam Malaysia

FAKTA
Sukarelawan menjadi wadah melatih sifat positif mahasiswa